

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 1
MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PAHANG**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang. LKAN ini melaporkan satu tajuk pengauditan berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan negeri seperti berikut:

1.1. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang

a. Rumpun Timur Sdn. Bhd. (RTSB) [Modal Berbayar RM1.10 juta]

- i. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan syarikat tidak tercapai; pencapaian aktiviti tidak cekap; kedudukan kewangan kurang stabil manakala tadbir urus korporat pada tahap memuaskan;
- ii. Penemuan Audit bagi aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan aktiviti syarikat adalah seperti berikut:
 - pencapaian output adalah tidak cekap kerana enam daripada lapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tidak tercapai;
 - pencapaian keberhasilan tidak dinilai dan kesemua jangkaan keberhasilan yang ditetapkan tidak tercapai;
 - pengurusan aktiviti adalah tidak cekap kerana kelemahan pengurusan menyebabkan aktiviti penternakan ditutup dan syarikat menanggung kerugian;
 - hanya tiga daripada lapan aspek tadbir urus korporat diamalkan sepenuhnya manakala empat aspek tidak diamalkan sepenuhnya dan satu aspek tidak diamalkan langsung; dan
 - syarikat mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM4.15 juta pada akhir tahun 2021.

2. Keseluruhan syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah 4 syor kepada RTSB.